



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN BAGI FASILITI KESIHATAN SWASTA

**PROGRAM SARINGAN COVID-19 KEPADA PEKERJA
ASING MENGGUNAKAN KAEDAH RTK ANTIGEN**

**DI NEGERI SELANGOR, W.P. KUALA LUMPUR,
NEGERI SEMBILAN, PULAU PINANG, SABAH DAN
W.P. LABUAN**

2020

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 YB Menteri Kanan Keselamatan Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob telah mengumumkan pelaksanaan program saringan COVID-19 kepada semua pekerja asing bermula dengan mereka yang bekerja di Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan, Negeri Sembilan, Pulau Pinang dan Sabah.
- 1.2 Justeru itu Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui PERKESO akan melaksanakan program saringan tersebut secara bersasar berdasarkan lokaliti zon merah yang mempunyai kepadatan pekerja asing yang tinggi.
- 1.3 Program saringan ini akan melibatkan fasiliti klinik dan hospital swasta yang telah berdaftar sebagai panel Health Screening Promotion (HSP) PERKESO dan telah mengemukakan self-Declaration kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di negeri-negeri yang berkenaan. PERKESO akan membekalkan RTK-Ag yang telah diluluskan KKM dan kit ujian ini akan dibiayai oleh PERKESO bagi pencarum sahaja. Majikan hanya perlu menanggung kos perkhidmatan yang dikenakan oleh fasiliti kesihatan swasta
- 1.4 Bagi pekerja asing yang bukan pencarum kos saringan akan ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan dan RTK-Ag tidak dibekalkan oleh pihak PERKESO

2.0 PENDAFTARAN PANEL

- 2.1 Pra-syarat sebelum menjadi panel program saringan pekerja asing.
 - 2.1.1 Berdaftar sebagai panel HSP PERKESO
 - Layari portal SeHAT PERKESO di sihat.perkeso.gov.my untuk mendaftar.
 - 2.1.2 Telah membuat Self-Declaration di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.
 - Rujuk arahan Am Menteri Kesihatan, Bilangan 2 Tahun 2020

- 2.2 Selepas keperluan mendaftar telah dipenuhi, log masuk ke Portal HSP dan panel perlu mengesahkan persetujuan untuk melaksanakan saringan RTK-Ag kepada pekerja asing di bawah PERKESO.
- 2.3 Access Key akan diberi untuk kebenaran log masuk ke portal PSPA.
- 2.4 Emel dari SIMKA akan dihantar kepada panel yang belum berdaftar dalam sistem SIMKA. Panel perlu mengemaskini butiran yang diperlukan oleh SIMKA.
- 2.5 Proses pendaftaran selesai. Perlaksanaan aktiviti saringan RTK-Ag kepada pekerja asing akan dibuat melalui Portal PSPA.

3.0 PORTAL PSPA

- 3.1 Tempahan RTK-Ag
 - 3.1.1 Panel perlu membuat tempahan RTK-Ag melalui portal PSPA.
 - 3.1.2 Panel perlu menetapkan kuantiti unit yang diperlukan. Kuantiti unit di setiap fasiliti kesihatan dihadkan pada 500 unit pada satu masa. Di dalam keadaan di mana kuantiti yang lebih banyak perlu ditempah, panel perlu memberikan penjelasan untuk pesanan yang melebihi 500 unit dan tertakluk kepada kelulusan.
 - 3.1.3 Penghantaran kit akan diuruskan oleh pembekal perkhidmatan yang dilantik PERKESO ke fasiliti panel swasta.
 - 3.1.4 Tempoh anggaran penghantaran RTK-Ag adalah seperti berikut:
 - Lembah Klang: 1 – 3 hari
 - Kawasan lain di semenanjung Malaysia: 3 – 5 hari
 - Sabah & Sarawak: 7 – 10 hari
 - 3.1.5 Panel perlu menandatangani dan mengecop Delivery Order (DO) bagi mengesahkan kuantiti kit yang diterima.
 - 3.1.6 Pengesahan penerimaan juga perlu dibuat menerusi sistem bagi memastikan proses pembekalan akan datang tidak terjejas.

3.2 Perekodan Keputusan Ujian RTK-Ag

3.2.1 Carian Nombor KSPA

- Panel perlu memasukkan nombor KSPA / Passport.
- Profil pekerja akan dipaparkan dan panel perlu memasukkan butiran keputusan.

3.2.2 Sekiranya profil pekerja tidak dijumpai di dalam Sistem Portal PSPA ini bermaksud pekerja tersebut tidak mencarum dengan PERKESO dan tidak layak disaring di bawah program ini. Pekerja asing tersebut hendaklah merujuk kembali kepada majikan untuk dicarumkan di bawah perlindungan PERKESO.

3.2.3 Walaubagaimanapun sekiranya pihak majikan masih ingin meneruskan ujian saringan RTK-Ag seperti yang ditawarkan oleh fasiliti kesihatan swasta tersebut, di bawah tanggungan majikan sepenuhnya, panel masih perlu membuat pendaftaran lengkap di dalam Portal PSPA bagi tujuan perekodan.

3.2.4 Keputusan yang dimasukkan ke dalam Portal PSPA akan direkodkan secara langsung ke dalam SIMKA melalui integrasi sistem.

3.2.5 Maklumat ujian dan keputusan boleh dimuat turun melalui Portal PSPA.

CARTA ALIR PERLAKSANAAN SARINGAN RTK-Ag PEKERJA ASING PERKESO (RUJUKAN FASILITI KESIHATAN SWASTA)

